



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (45)dlm.JK/MP 23 Jld.6

Tarikh : Oktober 2011

Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar (Pentadbiran)
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

STATUS KES-KES SIVIL DAN JENAYAH DI MAHKAMAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta surat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia berkenaan Status Kes Pra 2009 bagi Kes-Kes Sivil dan Jenayah di Mahkamah bertarikh 24 Disember 2010, No Rujukan (6) dlm.JK/MP 23 Jld.6.

2. Adalah diperhatikan bahawa arahan Pejabat Ketua Pendaftar melalui surat bertarikh 24 Disember 2010 tidak dipatuhi oleh kebanyakan pihak. Oleh yang demikian, pihak kami sekali lagi ingin mengingatkan bahawa bagi tujuan pemantauan, pihak YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan dikehendaki menghantar Laporan Status Kes bagi kes-kes Sivil dan Jenayah di Mahkamah YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan.

3. Untuk makluman YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan, secara keseluruhannya kes tertunggak setakat September 2011 adalah sebanyak :

- a) 647 kes sivil dan 7 kes jenayah pra 2007 bagi Mahkamah Tinggi;
- b) 673 kes sivil dan 807 kes jenayah pra 2010 bagi Mahkamah Sesyen;
- c) 1459 kes sivil pra 2011 dan 1130 kes jenayah pra 2010 bagi Mahkamah Majistret.

...2/-

Hasil persetujuan di Mesyuarat Pengurusan Ketua Hakim Negara bersama Hakim Pengurus pada 14 Oktober 2011, adalah diarahkan bahawa kes-kes tersebut di atas hendaklah **dilupuskan pada atau sebelum 31 Mac 2012**.

4. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pemantauan oleh Pejabat Ketua Pendaftar, YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan diarahkan untuk menghantar status kes bagi kes-kes berikut :

- a) Kes Sivil pra 2007 di Mahkamah Tinggi (tidak termasuk tahun 2007)
- b) Kes Jenayah pra 2007 di Mahkamah Tinggi (tidak termasuk tahun 2007)
- c) Kes Sivil pra 2010 di Mahkamah Sesyen (tidak termasuk tahun 2010)
- d) Kes Jenayah pra 2010 di Mahkamah Sesyen (tidak termasuk tahun 2010)
- e) Kes Sivil pra 2011 di Mahkamah Majistret (tidak termasuk tahun 2011)
- f) Kes Jenayah pra 2010 di Mahkamah Majistret (tidak termasuk tahun 2010)

5. Status kes-kes tersebut hendaklah dihantar pada setiap bulan bersama-sama statistik bulanan menggunakan format status kes yang telah diperbaharui dan dilampirkan di **Lampiran A** dan hendaklah dihantar ke alamat yang berikut :


- a) Mahkamah Tinggi : statistik.mt@kehakiman.gov.my
- b) Mahkamah Sesyen : statistik.ms@kehakiman.gov.my
- c) Mahkamah Majistret : statistik.mm@kehakiman.gov.my

6. Oleh yang demikian, arahan Pejabat Ketua Pendaftar berkenaan penghantaran status kes melalui surat yang bertarikh 24 Disember 2010 adalah kini tidak lagi terpakai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara

YAA Hakim Besar Malaya

YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak

Pengarah Mahkamah Negeri

Format Status Kes

Lampiran A

COURT: _____
STATE: _____
(AS AT _____)

CIVIL CASES
Code: _____

YEAR	NO. OF CASES	CASE NUMBER	STATUS

Contoh

COURT: IPOH HIGH COURT
STATE: PERAK
(AS AT SEPTEMBER 2011)

**CIVIL CASES
Code 15**

YEAR	NO. OF CASES	CASE NUMBER	STATUS
2004	3	15-9-2004	Next trial date on 10.11.2011 (Submission) before YA Dato' Ahmad. Appeal at the Court of Appeal has been disposed on 23.6.2011
		15-10-2004	Fixed for final Case Management before YA Dato' Ahmad on
		15-11-2004	Part Heard YA Datuk Ali. Next trial date is on 21-25.11.2011

Arahan berkenaan pengisian format status kes

- Perkara yang perlu diisi:
 - i) Nama Hakim/Majistret yang mendengar kes tersebut;
 - ii) Peringkat/Status Kes;
 - iii) Tarikh akan datang;
 - iv) Sama ada terdapat rayuan, jika ya, sila berikan nombor rayuan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, atau Mahkamah Persekutuan.